



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PENETAPAN KADAR PERTUKARAN JUALAN MATA WANG ASING BAGI INVOIS CUKAI PERKHIDMATAN DAN INVOIS CUKAI JUALAN

KETETAPAN UMUM BIL. 3/2026

TARIKH KUATKUASA: 28 JULAI 2026

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 3/2026 bagi menjelaskan penetapan kadar pertukaran jualan mata wang asing yang dipakai di Malaysia bagi invois cukai perkhidmatan dan invois cukai jualan.

Ketetapan Umum ini boleh ditarik balik, sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya, pada bila-bila masa melalui penerbitan baharu atau suatu notis tarik balik. Maka dengan ini, Ketetapan Umum Bil. 1/2026 yang dikeluarkan pada 31 Mac 2026 ditarik balik dan digantikan dengan Ketetapan Umum Bil. 3/2026 bertarikh 28 Julai 2026.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Cukai Jualan 2018 yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **28 Julai 2026**

No. Fail: **KE.HF(152)431/13 JLD.2 (6)**

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Apa-apa dalam penghasilan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Dokumen ini tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini secara salah tafsir, tidak bertanggungjawab atau tidak berketepatan dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 atau Akta Cukai Jualan 2018.

KANDUNGAN

1.	OBJEKTIF	1
2.	PENGENALAN	1
3.	PENETAPAN KADAR PERTUKARAN JUALAN MATA WANG ASING YANG DIPAKAI DI MALAYSIA.....	2

1. OBJEKTIF

Ketetapan umum ini adalah bertujuan untuk menjelaskan penetapan kadar pertukaran jualan mata wang asing yang dipakai di Malaysia oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan dan pengilang berdaftar cukai jualan sekiranya jumlah amaun perkhidmatan atau jualan dalam invois dinyatakan dalam suatu mata wang asing selain ringgit.

2. PENGENALAN

- 2.1 Di bawah seksyen 21, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, setiap orang berdaftar dikehendaki mengeluarkan invois kepada pelanggan bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan. Invois hendaklah dikeluarkan dalam masa satu (1) tahun daripada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada situasi tertentu, orang berdaftar boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk tidak mengeluarkan invois.
- 2.2 Seksyen 21, Akta Cukai Jualan 2018 menetapkan pengilang berdaftar yang menjual apa-apa barang bercukai hendaklah mengeluarkan invois kepada pembeli berkenaan dengan transaksi jualan tersebut.
- 2.3 Orang berdaftar cukai perkhidmatan hendaklah mengeluarkan suatu invois yang mengandungi maklumat selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu:
 - (a) nombor siri invois;
 - (b) tarikh invois;
 - (c) nama, alamat dan nombor pengenalan orang berdaftar;
 - (d) perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan bercukai yang disediakan;
 - (e) apa-apa diskaun yang ditawarkan;
 - (f) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai perkhidmatan, kadar cukai perkhidmatan dan jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan;
 - (g) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan; dan

(h) apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam suatu mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa bila perkhidmatan bercukai itu diberikan.

2.4 Berdasarkan Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018, pengilang berdaftar hendaklah mengeluarkan suatu invois yang mengandungi butir-butir berikut:

- (a) nombor siri invois;
- (b) tarikh invois;
- (c) nama, alamat dan nombor pengenalan pengilang berdaftar;
- (d) nama dan alamat orang yang kepadanya barang bercukai dijual;
- (e) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang bercukai yang dijual;
- (f) apa-apa diskaun yang ditawarkan;
- (g) bagi setiap perihalan, bezakan jenis barang bercukai, kuantiti barang bercukai dan amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai jualan;
- (h) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai jualan, kadar cukai jualan dan jumlah cukai jualan yang boleh dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan;
- (ha) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai jualan yang boleh dikenakan; dan
- (i) apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam suatu mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa penjualan barang bercukai itu.

3. PENETAPAN KADAR PERTUKARAN JUALAN MATA WANG ASING YANG DIPAKAI DI MALAYSIA

3.1 Sekiranya orang berdaftar cukai perkhidmatan atau pengilang berdaftar cukai jualan mengeluarkan suatu invois dan jumlah amaun perkhidmatan atau jualan dalam invois dinyatakan dalam mata wang selain ringgit, orang berdaftar cukai perkhidmatan atau pengilang berdaftar tersebut hendaklah menyatakan jumlah amaun perkhidmatan atau jualan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan

mata wang asing yang dipakai di Malaysia pada masa perkhidmatan bercukai diberikan atau pada masa barang bercukai itu dijual.

- 3.2 Penetapan cukai genap masa bagi cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah sebagaimana ditetapkan di bawah seksyen 11 Akta Cukai Jualan 2018 dan seksyen 11 Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
- 3.3 Kadar pertukaran jualan mata wang asing yang dipakai di Malaysia oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan atau pengilang berdaftar cukai jualan hendaklah terdiri daripada mana-mana kadar pertukaran yang diterbitkan oleh badan-badan berikut-
- i. Bank Negara Malaysia (BNM);
 - ii. mana-mana bank perdagangan di Malaysia atau mana-mana bank lain yang berdaftar di bawah BNM;
 - iii. agensi berita antarabangsa seperti *Bloomberg, Reuters, Oanda*; atau
 - iv. bank pusat asing seperti Bank Pusat Eropah dan Bank Rizab Persekutuan New York.
- 3.4 Kadar pertukaran jualan mata wang asing di perenggan 3.3 hendaklah digunakan dalam pelaporan dan perakaunan perniagaan secara konsisten untuk sekurang-kurangnya satu tahun dari tarikh akhir tempoh perakaunan.
- 3.5 Sebarang permohonan untuk menggunakan kadar pertukaran jualan mata wang asing selain daripada yang dinyatakan di perenggan 3.3 di atas hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan atau Cawangan Dasar Cukai Jualan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Ibu Pejabat untuk kelulusan Ketua Pengarah Kastam.

4. KEMAS KINI

Ketetapan umum ini menggantikan Ketetapan Umum Bil. 1/2026 bertarikh 31 Mac 2026.

**KETUA PENGARAH KASTAM
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**